

## ANALISIS ISU-ISU MUAMALAT SEMASA DALAM BUKU *AL-MU'ĀMALĀT AL-MĀLIYYAH* *AL-MU'ĀŞIRAH* OLEH QAL'AHJĪ

Basri Ibrahim\*

### ABSTRACT

*Muamalah is an important element in a business entity and evolves from time to time. There are numerous issues that have emerged in this century and some of them were practiced by Islamic banks and there are also some of them that were elaborated by many outstanding ulama. One of the ulamas is Qal'ahjī in his work titled al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āşirah Fī Ḍaw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah. His elaboration on the issues of muamalah is very interesting based on the strength of its dalīl and consideration to the public interest of the community (maşlahah ummah), emergency situation as well as ijtihād ijmā'ī performed by a few organizations of Academy of Fiqh Islam were taken accordingly.*

**Keywords:** *mu'āmalāt, muḍārabah, bay' bi thaman al-ājil, bond, interest*

---

\* Senior Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia, basri@udm.edu.my

## PENDAHULUAN

Muamalat Islam merupakan salah satu lapangan perundangan Islam. Akhir-akhir ini ia menarik perhatian bukan sahaja bank-bank Islam, bahkan juga bank-bank konvensional. Banyak bank memperkenalkan produk yang berlandaskan syariah dan mendapat sambutan hangat daripada umat Islam. Ia melibatkan banyak isu baru dan semasa. Memandangkan isu-isu ini penting kepada masyarakat Islam, kerana melibatkan persoalan halal dan haram, para ulama telah mengambil inisiatif membahaskan isu-isu baru tersebut samada secara individu mahupun berkumpulan sebagaimana yang berlaku dalam *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* bagi melihat sejauh manakah ia menepati syariah ataupun tidak. Salah satu perbahasan yang menarik berkaitan dengan isu ini ialah yang terdapat dalam buku *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Daw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah* oleh Qal'ahjī.

Antara persoalan penting yang berkaitan dengan penulisan ini ialah mengupas isu-isu muamalat semasa yang dimuatkan dalam buku *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Daw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah* bagi melihat kesesuaian isu-isu tersebut dengan keadaan perkembangan masa kini atau sebaliknya.

Objektif penulisan ini adalah untuk menjelaskan isu-isu muamalah semasa dalam buku *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Daw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah* dan bagaimana pengarangnya mengupas mengikut kesesuaiannya dengan keadaan semasa.

Penulis melihat kajian ini penting kerana dapat memberi kefahaman yang besar kepada umat Islam di negara ini khususnya institusi perbankan yang mengamalkan produk-produk berteraskan syariah, pakar-pakar kewangan Islam, pelajar-pelajar bidang pengajian Islam, pegawai-pegawai agama dan seumpamanya.

Penulisan tentang isu-isu muamalah semasa banyak diutarakan oleh oleh tokoh-tokoh terkemuka Islam masa kini seperti Muḥammad 'Uthmān Syibīr dalam *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī al-Fiqh al-Islāmī* (1996), Muḥammad 'Uthmān Syibīr dan lain-lain dalam *Abḥāth Fiqhiyyah Fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu'āṣirah* (2000), Muṣṭafā al-Zarqā' dalam buku *Fatāwā* (2001) dan lain-lain. Buku-buku ini membahaskan berbagai-bagai tajuk berkaitan dengan isu-isu muamalat semasa, tetapi perbahasannya agak panjang dan terperinci dan lebih sesuai kepada para pelajar di peringkat pascasiswazah. Sebaliknya isu-isu muamalat yang dibentangkan dalam buku *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Daw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah* oleh Qal'ahjī, dalam bentuk yang ringkas, padat, menarik dan sesuai untuk menjadi tatapan para

pelajar dalam program Diploma, peringkat Sarjana Muda dan orang awam. Isu-isu yang dibentangkan adalah menyeluruh dan sangat baik untuk menjadi rujukan kepada umat Islam di negara ini.

Data yang diperolehi dalam penulisan ini adalah berdasarkan buku *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Ḍaw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah* oleh Qal'ahjī dan lain-lain buku muamalat, di samping buku-buku fiqh *muktabar* dari kalangan mazhab empat dan lain-lain.

### **LATAR BELAKANG BUKU *AL-MU'ĀMALĀT AL-MĀLIYYAH AL-MU'ĀṢIRAH FĪ ḌAW'I AL-FIQH WA AL-SHARĪ'AH***

Buku ini dihasilkan sebagai satu bentuk pengemaskinian *manhaj* pengajaran berkaitan dengan muamalat oleh universiti-universiti di timur tengah supaya lebih sesuai dengan keadaan semasa. Ia bertujuan menyelesaikan persoalan-persoalan muamalat semasa dan melatih pelajar yang bakal menjadi ulama fiqh pada masa akan datang, menyelesaikan persoalan-persoalan baru yang berkaitan dengan muamalat dan mengeluarkan hukum-hukum yang berkaitan dengannya. Ia juga dihasilkan dengan tujuan memudahkan para pelajar mengikuti perbahasan yang terkandung di dalamnya. Maklumat yang diperolehi oleh pengarang dalam menghasilkan buku ini dikumpulkan daripada kertas penyelidikan yang dikemukakan oleh pakar-pakar terkemuka dalam lapangan muamalat kepada Akademi Fiqh dan juga dari kertas-kertas penyelidikan dan tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah yang dikelolakan oleh pengarang sendiri. Selain daripada itu pengarang juga mengambil maklumat daripada buku-buku fiqh klasik dan melakukan ijtihad sendiri.<sup>1</sup> Buku ini dihasilkan pada tahun 1999 dan dicetak oleh Dār al-Nafā'is, Jordan.

Kandungan buku *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Ḍaw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah* dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

#### 1. Prinsip-Prinsip Umum Muamalat Islam

Dalam bahagian ini perbincangan tertumpu kepada prinsip-prinsip umum yang biasa digunakan dalam muamalat seperti asal dalam muamalat adalah harus, objektif muamalat Islam seperti menawarkan barangan dengan harga yang murah kepada pengguna, tidak melibatkan barangan yang tidak diiktiraf oleh syarak, tidak memonopoli barangan, mengambil sikap memudahkan dan bertoleransi dan lain-lain.

---

<sup>1</sup> Qal'ahjī, Muḥammad Rawwās (1999), *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah*, al-Urdūn: Dār al-Nafā'is, hh. 8-9.

2. Harta

Dalam bahagian ini perbincangan tertumpu kepada definisi harta, kewajipan menjaga harta, mata wang, definisi mata wang, kemunculan mata wang, jenis-jenis mata wang, nilai mata wang, pengeluaran mata wang, menjual mata wang dengan mata wang dan lain-lain.

3. Perbankan

Bahagian ini membincangkan tentang perbankan dan jenis-jenisnya, perbankan Islam dan produk-produknya, syarikat saham, syarikat *Muḍārabah*, *Murābahah*, pemindahan hutang, pembukaan akaun, kad kredit dan isu-isu yang berkaitan.

4. Hak-Hak Maknawi, Kontrak *Istiṣnā'* dan Jualan Lelong

Dalam bahagian ini perbincangan tertumpu kepada hak-hak yang berkaitan dengan karangan, hak cipta, hak memiliki nama dagangan dan hak mengosongkan premis sewaan dan perniagaan, kedudukan sebenar kontrak *Istiṣnā'*, jualan lelong dan isu-isu yang berkaitan.

5. Insurans

Dalam bahagian ini perbincangan tertumpu kepada sejarah kemunculan insurans, falsafah insurans, kedudukan insurans dalam Islam, jenis-jenis insurans, insurans kerjasama, insurans kesihatan, insurans perdagangan dan juga insurans semula.

## LATAR BELAKANG PENGARANG

Pengarang buku ini ialah Muḥammad Rawwās Qal'ahjī. Beliau merupakan seorang tokoh sarjana Islam yang tidak kurang keilmuannya dalam perundangan Islam berbanding dengan tokoh-tokoh besar dan tersohor dunia Islam masa kini seperti al-Qaraḍāwī, Ramaḍān al-Būḩī, al-Taṅṭāwī, 'Abd al-Karīm Zaydān, al-Zindānī dan lain-lain. Beliau dilahirkan di Halab dalam tahun 1934 dan menghabiskan masa menuntut ilmu di peringkat sekolah menengah di Halab kemudian menyambung pelajaran sehingga ke peringkat pasca siswazah di Fakulti Syariah dan Undang-undang di Universiti al-Azhar, Mesir.

Beliau menghasilkan sekitar 80 buah karya. Antara yang terbesar ialah buku-buku berbentuk ensiklopedia fiqh salaf seperti *Mawsū'ah Fiqh Abī Bakr*, *Mawsū'ah Fiqh 'Umar*, *Mawsū'ah Fiqh 'Uthmān bin 'Affān*, *Mawsū'ah Fiqh 'Alī bin Abī Ṭalib*, *Mawsū'ah Fiqh A'isyah*, *Mawsū'ah Fiqh 'Abdillāh bin Mas'ūd*, *Mawsū'ah Fiqh 'Abdillāh bin 'Umar* dan lain-lain. Beliau juga menghasilkan karya-karya yang lain yang menyentuh tentang isu-isu semasa yang tidak kurang mutunya seperti *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarāh*

dalam dua jilid, *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Ḍaw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah*, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, *Fiqh al-Mar'ah Bayna Fuqahā' al-Rijāli Wa Faqihāt al-Nisā'*, *Malāmiḥ al-Sulūk al-Qiyādī 'Inda 'Umar bin al-Khattāb* dan lain-lain. Beliau juga banyak menulis makalah dan artikel yang dimuatkan dalam beberapa majalah di Timur Tengah.

Antara guru beliau yang terkenal di Ḥalab ialah Shaykh al-Muḥaddith Muḥammad Rāghib al-Tabbākh al-Halabī, seorang tokoh ulama yang terkenal dalam bidang hadis dan Shaykh al-Allāmah al-Faqīh Muḥammad al-Muntaṣar al-Kattānī al-Maghribī.

Beliau mendapat anugerah pertama kecemerlangan ilmu peringkat antarabangsa daripada kerajaan Arab Saudi, pakar Ensiklopedia Fiqh di Kuwait, anggota Akademi Fiqh Antarabangsa, Anggota Kehormat Akademi Fiqh India, pembantu Profesor di Universiti al-Malik Fahad, Profesor di Universiti al-Malik Su'ūd, Profesor di Universiti Kuwait dan lain-lain.<sup>2</sup>

## **ISU-ISU MUAMALAT SEMASA DALAM BUKU *AL-MU'ĀMALĀT AL-MĀLIYYAH AL-MU'ĀṢIRAH***

Banyak kupasan mengenai isu-isu muamalat yang dibuat oleh Qal'ahjī dalam karyanya *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī Ḍaw'i al-Fiqh Wa al-Sharī'ah*. Walau bagaimanapun tidak semua isu-isu tersebut disentuh di sini, sebaliknya beberapa isu pilihan sahaja akan dikemukakan. Antaranya:

### **Menyimpan Wang Di Bank Riba Kerana Keadaan Terpaksa Dan Keperluan Mengambil Faedah**

Qal'ahjī mengharuskan kepada seseorang Islam menyimpan wang di bank riba, kalau di negara atau negerinya benar-benar tidak ada bank Islam, kerana meraikan keadaan darurat<sup>3</sup>. Berhubung dengan riba yang diberikan oleh pihak bank dari simpanan yang dibuat itu, Qal'ahjī berpendapat harus mengambilnya tetapi tidak boleh mencampurkannya dengan harta sendiri, sebaliknya dibelanjakan kepada kepentingan umum orang-orang Islam, kerana bagi beliau ulama fiqh sepakat, tidak ada golongan yang berhak menggunakan harta haram, sebaliknya hendaklah dibelanjakan kepada kepentingan kaum Muslimin. Kedudukannya tidak ubah seperti harta yang dirampas, riba, upah pelacuran,

<sup>2</sup> Ḥiwar Ma'ā al-'Allāmah al-Faqīh al-Duktūr Muḥammad Rawwās Qal'ahjī, <http://www.shathraat.com/>, 28 Jun 2009.

<sup>3</sup> Qal'ahjī (1999), *op.cit.*, h. 51.

sewa rumah, aktiviti fasik, membuat patung dan lain-lain. Perbelanjaan ini bukannya sedekah yang boleh mendekatkan diri kepada Allah, sebaliknya merupakan sedekah untuk mengelakkan dosa.<sup>4</sup> Perumpamaan harta ini tidak ubah seperti bara api yang berada pada tangan seorang lelaki, yang tidak ada tempat untuk meletakkan bara itu. Jika digenggam, akan menyebabkan tangannya terbakar dan jika diberikan kepada orang lain – yang memerlukan kepada wang – boleh memadamkannya.<sup>5</sup>

Beliau menolak anggapan sesetengah orang yang menyatakan tidak boleh memberikan harta riba kepada golongan fakir dan miskin kerana riba yang diambil oleh penyimpan daripada bank, adalah haram ke atas diri yang terlibat sahaja, tetapi halal diberikan kepada orang lain yang berhajat. Kerana orang yang berhajat itu mengambilnya dengan sebab, yang tidak sama dengan sebab yang diambil oleh penyimpan. Kaedah fiqh menyatakan: Pertukaran sebab pemilikan mengambil tempat pertukaran zat.<sup>6</sup>

Asal kaedah ini diambil daripada hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah r.a katanya:

ودخل رسول الله صلى الله عليه وسلم يوما بيت عائشة وعلى النار برمة تفور فدعا بالغداء فأتي بخبز وأدم البيت فقال ألم أر لحما قالوا بلى يا رسول الله ولكنه لحم تصدق به علي بريرة فأهدته لنا فقال هو صدقة عليها وهديت لنا

“Rasulullah s.a.w masuk ke dalam rumah. Pada masa itu, di dapur periuk sedang mendidih. Baginda meminta dibawakan makanan tengahari. Lalu dibawakan kepada baginda s.a.w sekeping roti dan lauk yang biasa dimakan di rumah itu. Rasulullah s.a.w bersabda: Tidakkah saya melihat periuk sedang mendidih di atas api? Para sahabat menyatakan: Ya Rasulullah, tetapi ia mengandungi daging yang disedekahkan kepada Burayrah dan Burayrah telah menghadihkannya kepada kami, sedangkan tuan tidak memakan sedekah. Sabda Rasulullah s.a.w; Daging itu menjadi sedekah kepadanya tetapi menjadi hadiah kepada kita.”<sup>7</sup>

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*, hh. 51-52.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-Aṭ‘imah”, hadis no. 5431, jil. 6, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 256.

Kupasan yang dibuat oleh Qal'ahjī berkaitan dengan keharusan menyimpan wang dalam bank riba bagi mereka yang berada dalam situasi darurat di atas, kerana tidak ada perbankan Islam di tempatnya, bukan satu perkara baru, bahkan pernah dibuat oleh tokoh-tokoh besar sebelum daripada beliau seperti al-Zarqā<sup>8</sup> dan Burhān al-Dīn al-Sanbahīlī<sup>9</sup>, manakala keharusan mengambil faedah dari simpanan wang dibuat itu dan diberikan kepada golongan fakir miskin telah dinyatakan oleh tokoh-tokoh ulama terdahulu seperti al-Qurṭubī<sup>10</sup>, Ibn Taimiyyah<sup>11</sup>, Ibn al-Qayyim<sup>12</sup> dan lain-lain. Pandangan ini lebih memudahkan umat Islam dan menepati roh al-Qur'an. Firman Allah s.w.t:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

“(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.....”

(Surah al-Baqarah, 2: 185)

Firman Allah s.w.t:

فَمَنْ أَضْطَرَّ فِي مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

“...Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Mā'idah, 5: 3)

<sup>8</sup> Al-Zarqā, Muṣṭafā (2001), *Fatāwā*. ed. 2. Dimashq: Dār al-Qalam, h. 586.

<sup>9</sup> Al-Sanbahīlī, Burhān al-Dīn (1988), *Qaḍāyā Fiqhiyyah Mu'āṣirah*. Dimashq: Dār al-Qalam, hh. 20-21.

<sup>10</sup> Al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī (1967), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'an*, jil. 3, Dār al-Kitāb Al-'Arabī, h. 366.

<sup>11</sup> Ibn Taymiyyah, Aḥmad Taqiy al-Dīn (1398H), *Majmū' Fatāwā*, jil. 29, Lubnan: Dār al-'Arabiyyah Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashri, hh. 307-309.

<sup>12</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abū Bakr (1405H), *Zād al-Ma'ād*, jil. 5, Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah, h. 778.

## Membeli Saham Syarikat Yang Berurusan Dengan Riba

Para ulama berselisih pendapat dari segi keharusan membeli saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang mana tujuan asal penubuhannya berteraskan urus niaga halal tetapi kadang-kadang berurusan dengan riba. Qal‘ahjī berpendapat berurusan dengan syarikat yang berurusan dengan riba seumpama ini adalah harus, kerana tidak ada sebuah syarikat besar hari ini yang tidak menyimpan wang di bank, kerana para pengaudit tidak dapat menanggung harta yang lebih, sekiranya dikekalkan dalam simpanan syarikat.<sup>13</sup>

Tambahan pula, kalau diharamkan pembelian saham syarikat-syarikat ini, sudah tentu syarikat-syarikat besar keseluruhannya akan jatuh ke tangan orang-orang fasik dan kafir dan ekonomi pula berada di tangan mereka. Akibatnya, sudah tentu akan mendatangkan kerosakan kepada negara. Berinteraksi dengan riba dalam syarikat-syarikat ini walaupun haram, tetapi hanya mengikut benda lain sahaja dan bukannya benda yang asal. Benda yang mengikut benda lain tidak bebas memiliki hukum sendiri, tidak sebagaimana benda yang asal.<sup>14</sup>

Tetapi wajib kepada orang yang memiliki saham-saham dalam syarikat-syarikat ini, melakukan **proses menghalal** dengan cara mengeluarkan bahagian yang pada tanggapannya, telah dimasuki oleh riba dengan cara membelanjakannya kepada kepentingan orang-orang Islam. Qal‘ahjī berhujah dengan keputusan yang dibuat oleh Nadwah Pasaran Harta dari perspektif Islam yang berlangsung di Rabat al-Maghribi bertarikh 20-24/4/1410H yang menegaskan:

*“Berhubung memiliki atau menukar tangan saham-saham syarikat-syarikat yang tujuannya asalnya adalah halal, tetapi kadang-kadang berurusan dengan riba, dengan meminjam harta atau menyimpannya dan mengambil kadar faedah tertentu, hukumnya adalah harus memandangkan tujuan asalnya adalah betul”.*<sup>15</sup>

Kupasan yang dibuat oleh Qal‘ahjī di atas, turut dikupas oleh beberapa tokoh ulama semasa seperti Muṣṭafā al-Zarqā’ dan lembaga pengawasan Syariah Yayasan al-Rajihī yang mengharuskan umat Islam membeli saham-saham syarikat yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat umum

<sup>13</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 59-60.

<sup>14</sup> Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Rahmān (t.t), *al-Ashbāh Wa al-Nazā’ir*. Misr: Maktabah ‘Isā al-Bābī al-Halabī, h. 130; al-Nadawī, ‘Ali Ahmad (1986), *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 145.

<sup>15</sup> *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, Jeddah, bil. 2, h. 1658 dan selepasnya.



seperti syarikat elektrik, pengangkutan dan seumpamanya yang menimbulkan kesukaran kepada masyarakat kalau tidak ada syarikat seumpama-seumpama ini dan tidak merangkumi semua jenis syarikat. Ini kerana sekiranya modal milik individu dan juga negara tidak dapat memenuhi keperluan umum umat Islam, dananya wajib diwujudkan melalui syarikat-syarikat saham yang kadang-kadang berinteraksi dengan riba dalam menyimpan hartanya dan membuat pinjaman berteraskan riba daripada beberapa institusi kewangan. Ini bertujuan mengelakkan umat Islam dari berada dalam kesukaran di tambah pula dengan keadaan zaman yang sudahpun mengalami banyak kerosakan. Dalam zaman yang banyak berlaku kerosakan, kefasikan bermaharajelela dan keadilan jarang wujud, ulama mengharuskan menerima persaksian orang yang tidak memiliki sifat adil, agar proses penghakiman tidak tergendala. Walau bagaimanapun pelabur perlu melakukan proses **membersihkan harta** daripada harta haram yang masuk ke dalam hasil pelaburannya itu dan tidak boleh diambil manfaat oleh diri sendiri sebaliknya perlu diberikan kepada golongan fakir dan yang berhak.<sup>16</sup>

Rasulullah s.a.w sendiri berkongsi dengan orang-orang Yahudi Khaybar untuk menubuhkan sebuah syarikat pertanian di kawasan tersebut. Rasulullah s.a.w mengemukakan modal berbentuk tanah dan telaga air, manakala orang-orang Yahudi mengemukakan harta dan pengalaman dalam menguruskan tanah-tanah pertanian. Baginda s.a.w bersetuju dengan pembahagian keuntungan sebanyak 50 peratus untuk setiap pihak, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis riwayat Ibn 'Umar r.a:

دفع إلى يهود خيبر نخل خيبر وأرضها على أن يعتملوها من أموالهم ولرسول الله صلى  
الله عليه وسلم شطر ثمرها

*“Rasulullah s.a.w menyerahkan kepada Yahudi Khaybar pokok-pokok tamar Khaybar dan tanah-tanahnya agar mereka dapat menguruskannya dengan menggunakan harta-harta mereka. Rasulullah memperolehi separuh daripada hasil buah-buahannya.”<sup>17</sup>*

Sebagaimana yang diketahui orang-orang Yahudi adalah golongan yang tidak menjauhkan diri daripada harta yang haram sebagaimana yang banyak dilihat dalam nas-nas syarak dan bukti-bukti yang berkaitan dengannya. Sekiranya berinteraksi dan berkongsi modal dengan mereka adalah haram, sudah tentu

<sup>16</sup> Syibīr, Muḥammad ‘Uthman (1996), *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah Fī al-Fiqh al-Islāmī*. Urdūn: Dār al-Nafā'is, hh. 170-171.

<sup>17</sup> Muslim, Muslim Bin Hajjāj (t.t). *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqah, jil. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 212.

manusia yang pertama mengelakkan diri daripadanya ialah Rasulullah s.a.w. Sekiranya meninggalkan berinteraksi dengan syarikat seumpama itu lebih utama ditinggalkan, sudah tentu Rasulullah s.a.w merupakan orang yang pertama sekali meninggalkannya, malah syarikat yang ditubuhkan oleh baginda itu kekal sehingga ke zaman pemerintahan khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. Selain daripada itu, masalah penubuhan syarikat tersebut kepada umat Islam adalah merupakan masalah yang diambilkira. Syarikat mengambil sikap toleransi ke atas kerosakan yang sedikit demi meraih kemaslahatan yang lebih besar. Menurut Ibn Taymiyyah, ia termasuk ke dalam ertikata menghasilkan salah satu daripada dua kemaslahatan yang lebih besar dengan melupakan kemaslahatan yang kurang besar dan membendung kemudaratan yang lebih besar dengan melakukan kemudaratan yang kecil.<sup>18</sup>

Tambahan pula perkara haram yang terdapat dalam pelaburan syarikat berkenaan hanyalah bersifat ikutan sahaja dan bukannya sebagai asas dan ia dimaafkan, sebagaimana yang terdapat dalam hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Nāfi‘ bin ‘Abdullah r.a :

أنه حرق نخل بني النضير وقطع

“Rasulullah s.a.w mengarahkan supaya membakar dan memotong pokok-pokok tamar Bani al-Nadīr.”<sup>19</sup>

Pembakaran ladang tamar ini sudah tentu akan turut sama membakar segala binatang melata, burung-burung dan lain-lain, tetapi pembunuhan ke atas binatang-binatang ini hanyalah bersifat ikutan kepada pembakaran ladang tamar itu sahaja dan bukan tujuan utama pembakaran itu dilakukan dan ia dimaafkan.

### **Bentuk-bentuk Syarikat Yang Diwajibkan Membayar Zakat**

Ulama masa kini berselisih pendapat tentang bentuk syarikat yang berkewajipan membayar zakat saham. Sesetengahnya seperti Muhammad Abū Zuhrah, ‘Abd al-Wahhāb Khallāf dan lain-lain berpendapat, wajib mengeluarkan zakat ke atas saham-saham secara mutlak, samada saham-saham dalam syarikat perdagangan, pertanian mahupun perusahaan.<sup>20</sup>

<sup>18</sup> Ibn Taymiyyah (1398H), *op.cit.*, jil. 29, h. 226.

<sup>19</sup> Al-Bukhārī (1991), *op.cit.*, Kitāb al-Muzāra‘ah, hadis no. 2326, j. 3, h. 94.

<sup>20</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, h. 63.

Golongan ini berdalilkan antara lain berkembang adalah merupakan sebab yang mewajibkan mengeluarkan zakat harta. Sebab ini terdapat dalam saham, tanpa mengira apa bentuk aktiviti yang diceburi oleh syarikat-syarikat yang mengeluarkannya. Satu golongan ulama masa kini seperti Wahbah al-Zuhaylī, Yūsuf al-Qaraḍāwī, ‘Abd Allāh al-Bassām dan lain-lain berpendapat, wajib mengeluarkan zakat bagi saham-saham syarikat yang terlibat dalam lapangan perniagaan dan pertanian, sebaliknya tidak wajib zakat ke atas saham-saham syarikat perusahaan.<sup>21</sup>

Qal'ahjī berpendapat, kewajipan membayar zakat saham terkena ke atas ke semua jenis syarikat yang dinyatakan di atas. Cuma dalam memperincikannya beliau berpendapat dalam syarikat perniagaan, zakat wajib ke atas wang tunai dan barang-barang perniagaan yang disediakan untuk jual beli, tetapi tidak wajib ke atas barang-barang tetap. Kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah 2.5 peratus. Syarikat berkewajipan memberitahu para peserta saham tentang nisbah perkara-perkara tetap, berbanding dengan modal syarikat, bagi membolehkan mereka membuat pengiraan zakat saham mereka. Dalam syarikat perniagaan, zakat dikenakan ke atas wang tunai sebanyak 2.5 peratus. Hasil pengeluaran pertanian yang disiram tanpa menggunakan mesin, dikenakan zakat sebanyak 10 peratus tetapi yang disiram dengan menggunakan tenaga manusia ataupun mesin, dikenakan zakat sebanyak 5 peratus, sebagaimana yang diakui di dalam al-Sunnah. Syarikat berkewajipan memberitahu kepada para peserta saham tentang nisbah harta yang melibatkan aliran wang dan keluaran pertanian yang wajib dikenakan zakat, di samping modal syarikat, supaya peserta-peserta saham dapat mengira zakat harta mereka. Dalam Syarikat Perusahaan, zakat dikenakan ke atas bahan-bahan peringkat awal yang disediakan untuk proses pengilangan, aliran wang tunai dan keluaran yang dibuat untuk dijual. Kadar wajib zakat ialah 2.5 peratus.<sup>22</sup>

Kupasan Qal'ahjī di atas lebih mirip kepada pendapat golongan pertama, kerana sebagaimana yang diketahui antara sebab utama wajib zakat pada harta ialah berkembang<sup>23</sup> tanpa mengira aktiviti yang dilakukan oleh syarikat terlibat. Apabila ada unsur ini zakat dikenakan ke atas harta tersebut, manakala yang tidak berkembang<sup>24</sup> tidak dikenakan zakat. Pengeluaran zakat merupakan tanda bersyukur terhadap harta yang dikurniakan Allah s.w.t kepada seseorang.

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, hh. 62-63.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hh. 63-64.

<sup>23</sup> Al-Shirāzī, Abu Ishāq (t.t), *al-Muhadhdhab*, jil. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 195.

<sup>24</sup> Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abu Zakariyā bin Sharaf (t.t), *Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, jil. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 361.

Allah s.w.t menjanjikan akan menambahkan nikmatNya kepada seseorang yang bersyukur kepadanya. Firman Allah s.w.t:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras”.*

(Surah Ibrāhīm, 14: 7)

### **Pihak Yang Wajib Mengeluarkan Zakat Dalam Syarikat Saham**

Segolongan ulama berpendapat, syarikat adalah merupakan peribadi yang diambilkira dan perlu dilayan sebagaimana individu di dalam mengeluarkan zakat. Berdasarkan kepada ini, wajib ke atas syarikat mengeluarkan zakat harta. Kemudian dibahagikan zakat yang dibayarnya, mengikut saham yang terdapat pada peserta saham. Ini selaras dengan Resolusi Akademi Fiqh Islam yang berlangsung di Jeddah nombor 3/8/88 dalam muktamar kali yang keempat yang berlangsung di Jeddah 18-23 Jumada al-Akhirah 1408H bersamaan dengan 6-11 Februari 1988 menegaskan:

*“Pentadbiran syarikat hendaklah mengeluarkan zakat saham sebagaimana seorang individu biasa mengeluarkan zakat hartanya. Zakat dikenakan ke atasnya, mengikut jenis harta yang diwajibkan zakat, nisab, kadar yang diambil dan lain-lain yang berkaitan dengan pengeluaran zakat yang dilakukan oleh individu biasa. Ini kerana berpegang dengan prinsip percampuran bagi ulama yang mengatakan ianya melibatkan semua jenis harta”.*<sup>25</sup>

Berdasarkan kepada ini, peserta-peserta saham yang memiliki saham yang belum mencapai nisab zakat dan belum cukup setahun (*haul*), tidak dikenakan zakat. Ini kerana harta-harta syarikat secara umum telah mencukupi nisab dan cukup *haul*.

<sup>25</sup> *Majallah al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, bil. 4, jil.1, h. 881.

Qal'ahjī berpendapat, zakat saham diwajibkan ke atas pemilik saham dan bukannya syarikat, tetapi hendaklah memenuhi syarat-syaratnya iaitu:

- a. Saham itu dimiliki oleh pihak yang wajib mengeluarkan zakat. Berdasarkan kepada ini, tidak wajib zakat ke atas saham yang dimiliki oleh orang kristian dan pertubuhan kebajikan.
- b. Keseluruhan saham yang dimiliki itu, mencapai nisab.
- c. Pemilikan zakat itu mencukupi setahun (*haul*).<sup>26</sup>

Daripada kenyataan di atas jelas Qal'ahjī tidak sependapat dengan Resolusi Akademi Fiqh Islam yang berlangsung di Jeddah nombor 3/8/88. Jika dikeluarkan zakat di atas nama syarikat sudah tentu akan mengurangkan nilai saham yang dilaburkan oleh seseorang ke dalam syarikat-syarikat tersebut dan menyebabkan mereka berada dalam keadaan kesukaran. Apalagi persoalan cukup nisab dan cukup haul merupakan antara perkara paling penting yang perlu ada pada sesuatu harta sebelum mengeluarkan zakat.<sup>27</sup> Pandangan Qal'ahjī walau bagaimanapun boleh diambilkira kalau pelabur mempunyai kebebasan untuk mengeluarkan zakat secara sendiri. Namun apabila dilihat daripada sudut pelabur tidak bebas mengeluarkan zakat sendiri sebaliknya urusan pengeluaran zakat dipikul oleh pihak syarikat, untuk tujuan memudahkan pengurusan, pentadbiran dan juga penyelarasan, sewajarnya kepada pelabur menyerahkan sahaja kepada syarikat untuk berbuat demikian, kerana jika syarikat hendak berbuat demikian, ia dikira sebagai individu persendirian dan dikehendaki mengeluarkan mengikut segala perkiraan dan ukuran-ukuran yang telah ditetapkan oleh syarak,<sup>28</sup> sesuai dengan Resolusi Akademi Fiqh di atas.

## Mengeluarkan Bon

Apabila syarikat saham atau negara, memerlukan wang bagi melaksanakan perancangannya, ia akan mengeluarkan bon dan bon ini ditawarkan di pasaran harta dengan nilai tertentu. Negara atau syarikat yang mengeluarkan bon dikehendaki membayar faedah pusingan tertentu yang berkaitan dengannya.

---

<sup>26</sup> Qal'ahjī (1999), *op.cit.*, h. 66.

<sup>27</sup> Al-Zuhaylī, Muhammad (2007), *al-Mu'tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi'*, jil. 2, Dimashq; Dār al-Qalam, hh. 20-21.

<sup>28</sup> Al-Ashqar, Sulaymān et. al (2000), *Abhāth Fiqhiyyah Fī Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āsirah*, jil. 2, Urdūn: Dār al-Nafā'is, hh. 869-870.

Orang ramai membeli bon-bon ini dan mereka memperoleh faedah-faedah pusingan yang diiklankan oleh syarikat atau negara. Bon pada hakikat yang sebenarnya, adalah pinjaman yang dipinjam oleh syarikat atau negara dari pemegang bon. Negara atau syarikat membayar faedah yang ditetapkan kepada pemegang bon.<sup>29</sup>

Qal‘ahjī melihat isu ini dalam dua bentuk. Pertama dari segi keharusan membeli bon oleh orang-orang Islam dan keharusan kerajaan mengeluarkan bon seumpama itu untuk dijual di pasaran. Beliau tidak mengharuskan kepada orang-orang Islam membeli bon-bon itu, bukan kerana zat bon itu sendiri, kerana bon adalah watakah berkaitan dengan pinjaman dan melibatkan diri dengan watakah berkaitan dengan pinjaman adalah sesuatu yang dibenarkan oleh syariat, sebaliknya ketidakharusan membelinya kerana berkait dengan faedah tertentu, yang sekaligus menjadikannya sebagai hutang berteraskan ribawi, kerana termasuk ke dalam *riba nasī‘ah* yang dilarang oleh Allah. Firmannya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَذَرُوْا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَاۤ اِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ ﴿٢٧٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman”.

(Surah al-Baqarah, 2: 278)

Kedua-dua bon tersebut hanya harus dikeluarkan dalam keadaan darurat dan tidak harus sama sekali dalam keadaan normal. Misalnya negara terjebak ke dalam krisis ekonomi yang genting, yang tidak ada cara untuk menyelamatkannya kecuali dengan membuat pinjaman secara riba. Pinjaman ini tidak sunyi samada dari sebuah negara asing yang disertai dengan syarat-syarat politik atau ekonomi yang menjejaskan kepimpinan politik negara atau ekonomi atau pinjaman berdasarkan bon-bon bebas yang ditawarkan oleh negara di pasaran. Begitu juga apabila sebuah syarikat berada di dalam keadaan kewangan yang terumbang-ambing yang hampir membawa kepada bankrap – mufis dan bankrap – dan tidak ada jalan untuk menyelamatkannya kecuali dengan cara mengeluarkan bon.<sup>30</sup>

Di saat perlu mengeluarkan bon, tidak boleh dikeluarkan lebih dari yang diperlukan oleh darurat, kerana keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya

<sup>29</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 66-67.

<sup>30</sup> *Ibid*, hh. 67-68.

sahaja. Menurut beliau pendapat ini dipegang oleh Maḥmūd Shaltūt<sup>31</sup> dan Muḥammad Yūsuf Mūsā.<sup>32</sup>

Kupasan Qal'ahjī di atas yang mengharamkan umat Islam membeli bon yang dikeluarkan oleh negara, merupakan pandangan segolongan ulama masa kini seperti al-Qaraḍāwī<sup>33</sup>, 'Abd al-'Azīz al-Khayyāt,<sup>34</sup> 'Ali al-Sālūs<sup>35</sup> dan Sālīḥ al-Marzūqī<sup>36</sup> selain daripada Muḥammad Shaltūt dan Muḥammad Yūsuf Mūsā, yang disebutkan di atas.

Bon yang dibeli oleh pelabur akan digunakan oleh negara untuk dalam pelbagai program pelaburan berserta dengan jaminan bayaran faedah. Ia merupakan sejenis pinjaman berteraskan riba yang tersebar secara meluas pada zaman jahiliah yang diharamkan dalam al-Quran dan juga al-Sunnah. Tujuan membeli bon tersebut untuk membantu negara adalah baik, namun niat yang baik tidak pernah menghalalkan perkara yang haram menjadi halal. Seseorang yang membina masjid atau mengadakan rancangan kebajikan telah melakukan sesuatu yang baik, tetapi jika menggunakan dana daripada sumber yang haram, hukumnya tetap haram. Rasulullah s.a.w bersabda dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Sa'īd bin al-Musayyab:

إن الله طيب لا يقبل إلا طيبا

*"Sesungguhnya Allah s.w.t itu baik dan Dia tidak menerima melainkan sesuatu yang baik."*<sup>37</sup>

Ini berlainan dengan situasi darurat, kerana situasi tersebut menghalalkan perkara yang haram, namun begitu kalau masih boleh dilakukan alternatif-alternatif lain, hendaklah terlebih dahulu melakukan alternatif-alternatif tersebut. Antaranya meminta rakyat jelata memberi pinjaman wang kepada

<sup>31</sup> Shaltūt, Maḥmūd (1980), *Fatāwā*, al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, h. 327.

<sup>32</sup> Mūsā, Muḥammad Yūsuf (1958), *al-Islām Wa Musykilātuna al-Hāḍira*, al-Qāhirah: al-Maktab al-Fannī, h. 63.

<sup>33</sup> Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1981), *Fiqh al-Zakāh*, jil. 5, Bayrut: Mu'asasah al-Risalah, h. 526.

<sup>34</sup> Al-Khayyāt, 'Abd al-'Azīz (1989), *al-Ashum Wa al-Sanadāt*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 55.

<sup>35</sup> Al-Sālūs, Ali (1990), *Ḥukm al-Wada'i Wa Shahādāt al-Istithmār Fī al-Fiqh al-Islāmī*. Doha; Dār al-Thaqāfah, h. 69.

<sup>36</sup> Marzūqī, Šālīḥ (1406), *Sharikat al-Musāhamah Fī al-Niẓām al-Su'ūdī*, al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Su'ūdiyyah: Maṭābi' al-Šafā, h. 395.

<sup>37</sup> Muslim (t.t), *op.cit*, Kitāb al-Zakāh, jil. 7, h. 98.

negara berasaskan kepada konsep *qard al-hasan* iaitu kerajaan membayar lebih daripada pinjaman asal sebagai tanda mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana membantu negara menyelamatkannya daripada krisis yang dialami tanpa disyaratkan terlebih dahulu pemberian tersebut. Antara cara yang boleh dilakukan ialah mendapatkan pinjaman daripada penyimpan di dalam akaun-akaun semasa dalam bank-bank perniagaan dengan mewujudkan kerjasama di antara bank-bank perniagaan tadi dengan bank negara dengan kebenaran daripada para penyimpan.<sup>38</sup> Begitu juga dengan meminta rakyat menyegerakan pembayaran zakat walaupun belum cukup *haul*, kerana pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w terhadap bapa saudaranya al-‘Abbās r.a, yang mengambil zakat daripada beliau untuk tempoh dua tahun sekaligus.<sup>39</sup> Selain daripada itu, negara juga boleh menggalakkan rakyat mengeluarkan sumbangan dan perbelanjaan pada jalan Allah. Sumbangan seumpama ini lebih luas skopnya berbanding dengan pembayaran zakat, kerana merangkumi segala jenis perolehan harta yang diperolehi oleh seseorang. Dalam sejarah, ramai dari kalangan sahabat besar seperti Abū Bakar, ‘Abd al-Rahman bin ‘Awf, ‘Uthmān bin ‘Affān<sup>40</sup> dan lain-lain memberi sumbangan dana kepada negara ketika menghadapi peperangan dan sebagainya.

### **Pembayaran Zakat Bon**

Bon-bon adalah hutang yang menjadi milik pembawanya, yang wajib dibayar oleh kerajaan atau syarikat yang mengeluarkannya. Negara atau syarikat, adalah merupakan orang yang berhutang penuh dan mengakui hutangnya dan perlu membayar hutangnya itu pada masa yang telah ditetapkan. Ulama berselisih pendapat tentang zakat hutang jenis ini kepada beberapa pendapat.<sup>41</sup>

1. Tidak wajib zakat terhadap hutang yang dijamin dapat dibayar sehingga orang yang memberi hutang memperolehi hutangnya. Apabila diperolehi kembali hutang tersebut, hendaklah mengeluarkan zakat untuk selama setahun sahaja, walaupun hutang tersebut ditanggung

---

<sup>38</sup> Abū Ghuddah, ‘Abd al-Sattār (1993), *al-Badā’il al-Shar‘iyyah Li Sanadāt al-Khazānah*, al-Nadwah al-Fiqhiyyah al-Thalithah Li Bayt al-Tamwil, h. 8.

<sup>39</sup> Al-Shawkānī, Muhammad ‘Ali (1415 H), *Nayl al-Awtār*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil. 4, h. 168.

<sup>40</sup> Syibir, ‘Uthman (1996), *op.cit.*, h. 188.

<sup>41</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, h. 69.



oleh pihak yang berhutang selama beberapa tahun. Inilah pendapat ulama mazhab Mālikī.<sup>42</sup>

2. Hutang yang terjamin dibayar tidak dikenakan zakat, sehinggalah pihak yang memberi hutang, mendapat kembali hutangnya itu. Apabila hutang tersebut telah diperolehi, hendaklah dikeluarkan zakat selama beberapa tahun hutang tersebut ditanggung oleh orang yang berhutang. Inilah pendapat 'Ali bin Abi Talib, ulama mazhab Hanafī, Ulama mazhab Hanbalī dan juga Sufyan al-Thawrī.<sup>43</sup>
3. Hutang yang terjamin dibayar, dikenakan zakat setiap tahun dan dikeluarkan oleh orang yang memberi hutang setiap kali cukup *haul*. Inilah pendapat segolongan ulama seperti 'Uthmān bin 'Affān,<sup>44</sup> Abdullah bin Umar,<sup>45</sup> Ibrahim al-Nakha'i,<sup>46</sup> imam-imam terkemuka penduduk Iraq dan juga al-Shāfi'ī.<sup>47</sup>

Di dalam zakat bon secara khusus, Qal'ahjī berpendapat perlu dikeluarkan zakat setiap tahun, ketika mencukupi *haul* samada pemiliknya telah mendapatkannya kembali atau tidak, kerana merupakan hutang yang wajib dilaksanakan oleh orang yang berhutang, kerana pemegang bon boleh menjual bonnya, pada setiap masa. Kewajipan mengeluarkan zakat setiap tahun, kerana bon menyerupai harta-harta perniagaan. Walaupun hasilnya adalah haram, namun tidak menghalang kewajipan membayar zakat setiap tahun, apabila cukup *haul*. Pemegang bon sama dengan peniaga yang menipu di dalam jual beli. Orang yang menipu di dalam jual beli, tetap wajib mengeluarkan zakat setiap tahun, walaupun menipu itu adalah haram dan haram menggunakan harta yang diperolehi melalui cara menipu itu.<sup>48</sup>

---

<sup>42</sup> Ibn 'Abd al-Barr, Yūsuf bin 'Abd Allāh (1980), *al-Kāfī Fī Fiqh Ahli al-Madīnah*, jil. 1, al-Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah, h. 293.

<sup>43</sup> Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn (1983), *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, jil. 2, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 10.

<sup>44</sup> Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1984), *al-Mughni*, jil. 4, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 269.

<sup>45</sup> Qal'ahjī (1986), *Mawsū'ah Fiqh 'Abd Allāh bin 'Umar*, Bayrūt: Dār al-Nafā'is, hh. 389-390.

<sup>46</sup> Qal'ahjī (1988), *Mawsū'ah Fiqh Ibrāhīm al-Nakha'ī*, jil. 1, Bayrūt: Dār al-Nafā'is, hh. 524-525.

<sup>47</sup> Al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, jil. 6, h. 21.

<sup>48</sup> Qal'ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 69-70.

Harta haram yang masih wujud wajib dikenakan zakat, kerana konsep kesempurnaan pemilikan, tidak hanya bergantung kepada kemampuan pemilik menggunakan hartanya selagi mana syarak mengurniakan kepadanya hak yang penuh untuk menggunakannya. Ini kerana hakikat pemilikan merupakan satu bentuk kekhususan yang diperuntukkan syarak kepada pemiliknya. Ulama mendefinisikannya sebagai kebolehan seseorang insan atau wakilnya menggunakan sesuatu barangan atau manfaat menurut kaca mata syarak.<sup>49</sup> Namun dari satu segi pilihan pandangan ulama yang dilakukan oleh Qal‘ahjī agak kurang sesuai buat umat Islam masa kini kerana menjerumuskan mereka kepada kesukaran, untuk mengeluarkan zakat kerana tidak memiliki wang tunai dalam tangan, sedangkan Islam datang untuk membendung kesukaran sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat 185 daripada surah al-Baqarah di atas. Ulama tidak berselisih pendapat pemilik harta haram yang masih ada, tidak wajib mengeluarkan zakat harta sebelum benar-benar harta itu dalam tangannya. Inilah merupakan pandangan ulama mazhab Ḥanafī, Mālikī, Ḥanbalī dalam satu riwayat dan ulama mazhab al-Shāfi‘ī dalam pendapat al-Azhar. Ini kerana pemilik tidak mempunyai kemampuan untuk menggunakan hartanya dalam ertikata yang sebenar pada masa itu berlainan kalau benar-benar telah diperolehi. Keberadaan harta pada tangan pemilik bagi golongan ulama di atas adalah syarat untuk mengeluarkan zakat, kerana selagi tidak berada pada tangan bermakna yang terlibat masih tidak mampu menggunakannya dan harta yang belum dapat digunakan itu tidak wajib dikeluarkan zakat.<sup>50</sup> Pada zahir golongan ini, zakat yang diwajibkan berkaitan dengan harta yang dimiliki dan bukannya berkait dengan tuan punya harta. Ini merupakan pandangan majoriti ulama.<sup>51</sup>

### **Penetapan Masa Dalam Kontrak *al-Muḍārabah***

*Al-Muḍārabah* melibatkan modal dari satu pihak, manakala kerja dari satu pihak yang lain. Setiap pihak memperolehi keuntungan mengikut nisbah yang ditetapkan semasa kontrak. Apabila kedua pihak bersetuju iaitu pekerja menyimpan sejumlah tertentu wang setiap bulan misalnya pada bank – tuan

---

<sup>49</sup> Yāsin, Muḥammad Na‘īm (2000), “Zakāh al-Māli al-Harāmī” dalam al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān, et.al. *Abhāth Fiqhiyyah Fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu‘āsirah*, jil. 1, Urdūn: Dār al-Nafā’is, hh. 200-201.

<sup>50</sup> Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Zakariyyā bin Sharaf (1964), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, jil. 2, Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, h. 226.

<sup>51</sup> Al-Zuḥaylī (1989), *op.cit.*, jil. 2. h. 854.

punya modal – yang akan dilaburkan oleh bank tersebut. Apabila wang yang disimpan dalam bank mencukupi nilai barangan *al-Muḍārabah*, teruburbarlah *al-Muḍārabah* itu dan ke semuanya menjadi milik pekerja berkenaan. Syarat menyimpan di dalamnya dan syarat perpindahan pemilikan ketika mana barang-barangan yang disimpan oleh pekerja mencukupi nilai barangan syarikat, adalah merupakan syarat yang sesuai dengan kontrak. Qal'ahjī berpendapat tidak ada dalam syariat sesuatu yang mengharamkan kontrak seumpama ini, malah merupakan syarat yang sah.<sup>52</sup>

Berhubung dengan penetapan tempoh masa dalam kontrak *al-Muḍārabah*, ulama tidak sependapat. Ulama mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī berpendapat hukumnya harus, kerana *al-Muḍārabah* merupakan urusan yang boleh diikatkan dengan barangan dan juga tempat tertentu. Ini bermakna, harus jugalah diikat dengan masa tertentu. Misalnya pemodal menyatakan kepada pengusaha: Saya berikan kepada anda harta ini, supaya anda dapat mengusahakannya secara *al-Muḍārabah* untuk selama setahun.<sup>53</sup>

Ulama mazhab Mālikī dan al-Shāfi'ī berpendapat, tidak harus mengikatkannya dengan masa tertentu, kerana penetapan masa, memudaratkan pengusaha. Kadang-kadang perniagaannya pada tahun yang dipersetujui bersama, mengalami kerugian, sedangkan masih terdapat barangan-barangan yang dia sendiri mengharap akan memperolehi keuntungan dan dapat menampung kerugian yang dialaminya. Penetapan masa mengharamkannya terus dari kesempatan ini semua. Qal'ahjī lebih cenderung kepada pendapat ulama yang menghukumkan boleh diikatkan syarat *al-Muḍārabah* dengan penetapan masa tertentu dan bagi beliau pendapat ini adalah pendapat yang paling sahih.<sup>54</sup>

Dalam amalan yang dilakukan oleh bank-bank Islam di negara kita, kontrak pelaburan *al-Muḍārabah* melibatkan penetapan masa tertentu seperti 6 bulan, 1 tahun dan seumpamanya. Amalan ini tidak bercanggah dengan syarak, kerana merupakan pandangan ulama mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī yang merupakan dua aliran ijtihad yang diambil kira dalam disiplin fiqh Islam. malah merupakan aliran ijtihad yang paling sahih menurut Qal'ahjī. Umat Islam perlu mengambil sikap berlapang dada dalam menghadapi isu yang menimbulkan perselisihan ulama ini dan tidak gopoh dalam menegur pelabur-pelabur yang ingin beramal dengan pandangan dua aliran ijtihad ulama yang dinyatakan di atas.

---

<sup>52</sup> *Ibid*, h. 71.

<sup>53</sup> Ibn Qudāmah (1984), *op.cit.*, jil. 7, h. 178.

<sup>54</sup> Qal'ahjī (1999), *op.cit.*, h. 74.

### **Jual Beli Dengan Harga Tangguh (*al-Bay' Bi Thaman al-Ājil*)**

Jual beli dengan harga tangguh melibatkan empat bentuk iaitu:

1. Seorang memberi pinjam kepada seorang yang lain sebanyak 100 dinar, dengan syarat mengambil kembali wang yang dipinjamkannya itu selepas setahun sebanyak 120 dinar. Pinjaman jenis ini adalah riba jahiliah yang diharamkan oleh Allah.
2. Seorang mempunyai hutang yang ditanggung oleh seorang yang lain sebanyak 100 dinar. Setelah tiba masa untuk dilangsaikan hutang tersebut, pihak yang berhutang tidak dapat menjelaskannya. Pemberi hutang menanggungkan pembayaran itu untuk tempoh setahun dengan syarat peminjam membayar balik sebanyak 120 dinar. Ini juga termasuk ke dalam ertikata riba jahiliah, yang diturunkan ayat tentang pengharamannya di dalam al-Qur'an.
3. Penawaran yang mengandungi dua pakej iaitu salah satunya tunai, manakala yang satu lagi secara ansuran. Misalnya penjual menyatakan: Saya jual kepada anda barangan ini secara tunai dengan harga RM100 dan harga ansuran dengan harga RM120. Pembeli menjawab: Saya beli. Keduanya berpisah tanpa menyatakan persetujuan ke atas mana-mana pakej yang dikehendaki. Bentuk seumpama ini, tidak halal pada pandangan kebanyakan ulama, malah termasuk ke dalam jual beli yang fasik, kerana mengandungi ketidakjelasan tentang harga (*Jahālah al-Thaman*).
4. Seseorang menjual barangan kepada seorang yang lain dan menyatakan: Harga secara tunai ialah RM100, manakala secara ansuran atau bertangguh selama dua tahun ialah RM120. Pembeli memilih harga secara ansuran yang mana bayarannya lebih daripada harga tunai dan kontrak dilakukan berdasarkan kepada harga tersebut.

Bentuk yang keempat ini menimbulkan perselisihan di kalangan ulama dari segi keharusannya kepada dua pihak. Satu golongan berpendapat, harus melakukan jual beli berdasarkan harga tangguh atau ansuran, walaupun penjual mengenakan bayaran tambahan sebagai imbalan dari penangguhan tempoh tersebut. Pendapat ini adalah pendapat majoriti ulama yang terdiri daripada imam-imam mazhab empat, pandangan sekumpulan ulama salaf yang terdiri daripada 'Abdullah bin 'Abbās, Sa'īd bin al-Musayyab, Ṭawūs bin Kaysān, 'Aṭā', al-Awzā'i, Qatādah, al-Zuhrī, al-Thawrī, al-Nakha'ī, al-Hakam bin 'Utaybah, Hammād bin Abi Sulaymān dan lain-lain. Pendapat ini juga dipegang oleh Qal'ahjī. Golongan ini berdalilkan antara lain firman Allah s.w.t:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الزَّبْحَ

“Padahal Allah s.w.t telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”

(Surah al-Baqarah, 2: 275)

Firman Allah s.w.t :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ  
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu...”

(Surah al-Nisā', 4: 29)

Allah s.w.t menghalalkan seluruh jenis perniagaan, sedangkan jual dengan harga tangguh atau ansuran berserta dengan tambahan harga, termasuk ke dalam jenis perniagaan.

Mereka juga berdalilkan hadis riwayat Abdullah bin Amru r.a:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أمره أن يجهز جيشا فنفتد الإبل فأمره أن يأخذ  
في قلاص الصدقة فكان يأخذ البعير بالبعيرين إلى إبل الصدقة

“Rasulullah s.a.w memerintahkannya melengkapkan angkatan tentera. Tetapi malangnya unta telah kehabisan, Rasulullah s.a.w menyuruh beliau mengambil unta sedekah.”<sup>55</sup>

Beliau mengambil satu ekor unta dengan menjanjikan untuk membayar dua ekor unta. Sehingga unta sedekah tersebut dipulangkan semula ke Baitulmal.

Mereka berhujah dengan kaedah fiqh iaitu asal kontrak dan muamalah ialah harus dan tidak boleh dihukumkan sebagai haram, kecuali yang sabit dengan

<sup>55</sup> Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sajastānī (1991), *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Buyū', hadis no. 3357, jil. 3, Turki: Cagri Yayinlari, hh. 652-653. Di dalam sanadnya ada orang perawi yang tidak diketahui tetapi diriwayatkan oleh al-Bayhaqī di dalam sunannya dari jalan Amrū bin Shu'ayb daripada bapanya daripada datuknya dan disahihkan oleh beliau.

nas yang mengharamkannya sahaja. Tidak terdapat sebarang dalil yang sahih yang menunjukkan batalnya pertambahan akibat dari penangguhan tempoh dalam jual beli.

Mereka juga berhujah dengan logik akal iaitu jual beli secara ansuran memberi kemudahan kepada orang ramai walaupun melibatkan pertambahan harga, kerana kebanyakan orang ramai, tidak mampu membayar harga secara sekaligus atau tunai, untuk mendapatkan barang yang diperlukan.

Satu golongan lain berpendapat jual beli dengan harga yang dibayar secara ansuran, adalah haram jika melebihi daripada harga asal, dengan sebab bertambah tempoh. Pandangan ini dikemukakan oleh Zayn al-‘Ābidīn bin ‘Ali bin al-Husayn<sup>56</sup> dan al-Jaṣṣāṣ dari kalangan ulama mazhab Ḥanafī<sup>57</sup>. Dari kalangan ulama masa kini ialah Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī<sup>58</sup> dan al-‘Abd al-Raḥmān Abd al-Khālīq.<sup>59</sup> Golongan ini berdalilkan hadis riwayat Abū Hurayrah r.a, Nabis.a.w bersabda:

من باع بيعتين في بيعته فله أوكسهما أو الربا

“Sesiapa yang menjual dua jualan di dalam satu jualan, sebenarnya dia telah menjual secara rugi atau riba.”<sup>60</sup>

Walau bagaimanapun bagi Qal‘ahjī, tidak ada hujah yang boleh dipegang oleh mereka dalam hadis di atas kerana ia sebenarnya sebuah hadis lemah (*ḍa‘īf*). Al-Tirmidhī menyebut di dalam Tuḥfah al-Ahwazī: Lafaz ini dikemukakan oleh Muḥammad bin ‘Umar sahaja. Hadis ini diriwayatkan daripada beberapa orang sahabat dari beberapa jalan dan tidak ada satupun jalan tersebut sahih, kerana itu tidak sesuai untuk dijadikan hujah.<sup>61</sup>

<sup>56</sup> Al-Shawkānī (1415H), *op.cit.*, jil. 5, h. 250.

<sup>57</sup> Al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr bin Aḥmad bin ‘Ali al-Rāzī (1335H), *Aḥkām al-Qur‘ān*, jil. 2, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 186.

<sup>58</sup> Al-Bānī. Muḥammad Nāṣir al-Dīn (1985), *Silsilah al-Aḥādith al-Ḍa‘īfah*, jil. 5, Bayrūt; al-Maktab al-Islāmī, h. 422.

<sup>59</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, h. 79.

<sup>60</sup> Abū Dāwūd (1991), *op.cit.*, Kitāb al-Buyū‘, hadis no. 3461, jil. 3, hh. 738-739.

<sup>61</sup> Al-Mubārakpūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Rahīm (1990), *Tuḥfah al-Ahwazī Sharah Jāmi‘ al-Tirmidhī*, jil. 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 429.

Mereka juga berdalilkan dengan hadis 'Abd Allāh bin Mas'ūd r.a katanya:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيعتين في بيعة

“*Rasulullah s.a.w melarang melakukan dua jualan di dalam satu jualan.*”<sup>62</sup>

Ibn Mas'ud menyatakan tidak sah dua jualan dilakukan dalam satu jualan iaitu kalau dijual secara bertangguh, harganya begini dan kalau secara tunai, harganya begini.<sup>63</sup>

Menurut Qal'ahjī hadis di atas juga tidak sesuai untuk dijadikan hujjah, kerana kemungkinan bentuk yang dibentangkan oleh Ibn Mas'ud ialah bentuk yang melibatkan dua jualan yang tidak dipersetujui oleh penjual dan pembeli ke atas harga tertentu, daripada dua harga yang ditawarkan oleh penjual. Jika sesuatu dalil boleh menimbulkan berbagai-bagai kemungkinan, gugurlah keharusan berhujah dengannya.<sup>64</sup>

Mereka juga berdalilkan dengan qiyas kepada riba, kerana dua jualan dalam satu jualan dan riba melibatkan pertambahan harga, kerana melibatkan pertambahan tempoh.

Qal'ahjī menolak *qiyās* di atas, kerana merupakan *qiyās* yang tidak tepat atau *qiyās ma'a al-fāriq*. Riba sebenarnya melibatkan hutang, sebaliknya jual beli bertempoh atau secara ansuran, melibatkan jual beli. Jual beli adalah kontrak mendapatkan keuntungan – objektifnya adalah untuk mendapat keuntungan. Hutang adalah merupakan kontrak ihsan. Objektifnya ialah membantu dan menunjukkan ihsan kepada orang yang berhajat. Mengambil tambahan di dalam urusan hutang, sebagai imbalan daripada penangguhan tempoh, bertentangan dengan konsep kontrak hutang itu sendiri. Sehubungan dengan itu, Islam mengharamkan riba dan kerana itu kontrak mendapat keuntungan, tidak boleh diqiyaskan dengan kontrak ihsan.<sup>65</sup>

Berinteraksi dengan Skim *Bay' Bi Thaman al-Ājil* lebih memudahkan umat Islam di zaman ini yang tidak mempunyai wang tunai untuk mendapatkan barangan, asal sahaja tempoh berakhir bayaran ansuran diketahui dengan jelas oleh penjual dan juga pembeli. Walaupun tidak dinafikan membeli barangan

<sup>62</sup> Al-Tirmidhī, Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isa bin Sūrah (1991), *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū', hadis no. 1231, jil. 3, Turki: Cagri Yayinlari, hh. 532-533.

<sup>63</sup> Qal'ahjī (1992), *Mawsū'ah Fiqh 'Abd Allāh bin Mas'ūd*. ed. 2. Bayrūt: Dār al-Nafā'is, hh. 122-123.

<sup>64</sup> Qal'ahjī (1999), *op.cit.*, h. 80.

<sup>65</sup> *Ibid.*

secara tunai lebih baik, namun rata-rata dari kalangan masyarakat kita sudah biasa berinteraksi dengan *Bay' Bi Thaman al-Ājil* dalam dalam urusan jual beli. Walau bagaimanapun setiap umat Islam disarankan supaya berfikir dua kali sebelum berinteraksi dengan skim ini, bagi memastikan dia benar-benar mampu membuat bayaran ansuran yang ditetapkan mengikut jadual dan agar diri sendiri tidak terbebani dengan hutang yang tidak mampu dibayar.

### **Menyegerakan Bayaran Ansuran Sebagai Imbalan Daripada Potongan Sebahagian Hutang**

Memotong mana-mana bahagian hutang daripada pihak yang berhutang sebagai imbalan daripada kesegeraan membayar mengikut tempoh yang telah ditetapkan dikenali di kalangan ulama dengan nama masalah “potong dan segerakan bayaran.” Kadang-kadang mereka menamakannya sebagai “perjanjian potongan harga” atau “perjanjian membebaskan hutang” atau “perjanjian menggugurkan hutang.”<sup>66</sup>

Ulama berselisih pendapat tentang hukum memotong sebahagian daripada hutang, sebagai imbalan daripada menyegerakan membayar hutang tersebut, kepada pandangan berikut:

Ulama mazhab Ḥanafī, Mālikī, al-Shāfi‘ī dan Ḥanbālī<sup>67</sup> berpendapat, tidak harus menggugurkan sebahagian hutang, sebagai imbalan daripada menyegerakan pembayarannya. Mereka berdalilkan antara lain; al-Miqdād bin al-Aswad meriwayatkan;

اسلف رجلا مائة دينار ثم خرج سهمي في بعث بعثه رسول الله صلى الله عليه وسلم  
فقلت له عجل لي تسعين دينارا واحط عشرة دنائير فذكر ذلك لرسول الله صلى الله  
عليه وسلم فقال اكلت ربايا مقداد واطعمته

*“Beliau menjual barangan secara salaf kepada seorang lelaki sebanyak 100 Dinar kemudian tiba giliran saya keluar dalam satu angkatan kecil yang dihantar oleh Rasulullah s.a.w. Saya berkata kepada lelaki itu. Bayarlah segera sebanyak 90 dinar sahaja dan saya potong daripada*

<sup>66</sup> *Ibid*, h. 98.

<sup>67</sup> Al-Zarqānī, ‘Abd al-Bāqī (t.t), *al-Zarqānī ‘Alā Mukhtaṣar al-Khalīl*, jil. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 3; Ibn Nujjāy, Zayn al-Dīn Ibrāhīm Muḥammad (t.t), *al-Baḥr al-Rā‘iq Sharah Kanz al-Daqā‘iq*, jil. 7, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 259.



*anda sebanyak 10 Dinar. Jawab lelaki itu: Ya. Saya menceritakan perkara tersebut kepada Rasulullah s.a.w: Baginda bersabda; Anda telah memakan riba wahai Miqdād atau anda telah memberi makan riba kepadanya wahai Miqdād”.*<sup>68</sup>

Penjual telah menjual tempoh bayaran dengan harta yang dipotongnya daripada orang yang berhutang. Tindakan seumpama ini, sama seperti riba dari segi timbal balas tempoh dengan harta.

Ibn ‘Abbās, Ibrāhīm al-Nakha‘ī dan satu riwayat daripada Imam Aḥmad,<sup>69</sup> menghukumkan harus menyegerakan pembayaran ansuran sebagai imbalan dari potongan sebahagian hutang. Riwayat ini dipilih oleh Imam Ahmad dan disokong oleh Ibn Taymiyyah<sup>70</sup> dan muridnya Ibn Qayyīm.<sup>71</sup>

Inilah juga pandangan yang dipegang dan difatwakan oleh Akademi Fiqh Islam. Antara resolusi yang dikeluarkannya ialah:

*“Memotong hutang yang bertempoh supaya disegerakan pembayaran hutang tersebut, samada kerana permintaan daripada orang yang memberi hutang atau pihak yang berhutang (potong dan segerakan bayaran) tidak termasuk ke dalam ertikata riba yang diharamkan, jika tidak dibuat persetujuan terlebih dahulu, untuk mengadakan potongan tersebut dan selagi mana hubungan di antara pemberi hutang dengan orang yang berhutang dalam bentuk hubungan dua hala. Apabila melibatkan campurtangan pihak ketiga, hukumnya tidak harus, kerana pada masa itu, ia menduduki hukum potongan mata wang perdagangan.”*<sup>72</sup>

Golongan ini berdalilkan antara lain, Ibn ‘Abbas meriwayatkan, ketika Nabi s.a.w diperintahkan oleh Allah s.w.t supaya menghalau Yahudi Bani al-Nadīr keluar dari kota Madinah, satu golongan manusia datang menemui baginda, lalu menyatakan:

*“Wahai Rasulullah s.a.w, sesungguhnya tuan telah memerintahkan mereka dihalau, sedangkan orang ramai masih menanggung hutang*

<sup>68</sup> Al-Bayhaqī, Abū Bakr bin ‘Ali (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Buyū‘, jil. 6, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 28.

<sup>69</sup> Qal’ahjī (1999), *op.cit.*, h. 99.

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> Ibn Qayyīm, Abu Bakr (1973), *I’lām al-Muwaqqi’in*, jil. 3, Bayrūt; Dār al-Jayl, h. 371.

<sup>72</sup> *Wajallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, 7/2/217-218.

yang belum membayar. Rasulullah s.a.w. bersabda: Potonglah dan segerakanlah pembayaran hutang itu.”<sup>73</sup>

Daripada Ka‘ab bin Mālik, beliau memungut hutang daripada Ibn Abī Ḥadrad sebanyak satu Dinar yang ditanggung oleh Ibn Ḥadrad di Masjid. Ketika itu berlaku dialog yang melibatkan suara yang tinggi di dalam masjid sehingga didengari oleh Rasulullah s.a.w yang pada masa itu sedang berada dalam rumahnya. Baginda menyelak tirai pintu bilik baginda lalu bersuara:

يا كعب قال لبيك يا رسول الله قال ضع من دينك هذا وأوماً إليه أي الشطر قال لقد فعلت يا رسول الله قال قم فاقضه

“Wahai Ka‘ab. Jawab Ka‘ab: Ya, wahai Rasulullah. Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: (Potonglah daripada hutang anda ini) baginda mengisytiharkan dengan tangannya – iaitu sebanyak separuh daripada hutang beliau – Jawab Ka‘ab: Saya setuju wahai Rasulullah. Sabda Rasulullah s.a.w: Bangunlah dan selesaikanlah hutang tersebut.”<sup>74</sup>

Pemotongan hutang sebagai imbalan daripada penyegeraan bayaran bukanlah riba, kerana riba mengandungi pertambahan pada salah satu barang pertukaran, sebagai imbalan daripada penangguhan tempoh bayaran. Sebaliknya isu yang sedang kita bicarakan ini, melibatkan pembebasan diri seseorang dari sesetengah bayaran, sebagai imbalan dari penyegeraan tempoh bayaran tersebut. Riba adalah pertambahan dan unsur ini tidak wujud di dalam persoalan yang kita bicarakan ini.

Pihak yang memberi hutang, berhak menggugurkan semua atau sebahagian daripada hutangnya dari pihak yang berhutang tanpa sebarang bayaran. Dengan itu, menggugurkan sebahagian daripada hutang sebagai imbalan daripada penyegeraan tempoh bayaran atau tanpa bertempoh langsung, adalah lebih utama dilakukan.

Qal‘ahjī memilih pendapat yang kedua.<sup>75</sup> Bagi beliau dalam isu penyegeraan pembayaran hutang sebagai imbalan daripada tempoh tertentu, melibatkan tiga buah hadis iaitu hadis al-Miqdād bin al-Aswad yang menghukumkan ianya sebagai haram. Hadis Abdullah bin Abbas menghukumkannya sebagai halal. Kedua hadis ini jelas bertentangan dan keduanya adalah lemah. Tidak

<sup>73</sup> Al-Bayhaqī (t.t), *op.cit.*, Kitāb al-Buyū‘, jil. 6, h. 28. Hadis ini adalah sahih isnadnya menurut al-Hākim.

<sup>74</sup> Al-Bukhārī (1991), *op.cit.*, Kitāb al-Khuṣūmāt, hadis no. 2418, jil. 6, h. 123.

<sup>75</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, h. 100.

harus berhujah dengan kedua hadis ini. Hadis yang ketiga ialah hadis Ka'ab bin Malik, yang menghukumkan harus menggugurkan hutang sebagai imbalan daripada penyegeraan pembayaran hutang tersebut. Hadis yang ketiga ini adalah sebuah hadis yang sahih dan boleh diamalkan.

Imbalan tempoh dengan wang tidak bersifat haram selama-lamanya. Yang diharamkan dalam nas ialah pertambahan melebihi hutang, kerana sebab bertangguh bayaran. Pertambahan ini dinamakan riba. Riba adalah simbol kepada monopoli dan penindasan ke atas pihak yang berhutang, yang berada pada status orang yang berhajat.

Berhubung dengan menggugurkan hutang daripada pihak yang berhutang, sebagai imbalan dari penyegeraan tempoh bayaran hutang tersebut, tidak menjadi kesalahan, kerana ia bukanlah riba kerana tidak berlaku pertambahan di dalamnya. Pengguguran hutang adalah satu bentuk simbol ihsan dan belas kesihan ke atas pihak yang berhutang dan ia berlainan sekali dengan riba.<sup>76</sup>

Pendapat Qal'aji ini juga dipersetujui sebelum ini oleh Majlis Syariah Syarikat Kewangan al-Rājihī, yang berhujah dengan hadis riwayat Abū Dawud dan lain-lain sebagaimana di atas dan pandangan sebahagian ulama seperti al-Ḥasan, Ibn Sirin, satu riwayat daripada al-Imam Aḥmad dan satu pandangan dari kalangan ulama mazhab al-Shāfi'ī, malah merupakan pilihan Ibn Taymiyyah, muridnya Ibn Qayyīm dan juga 'Abd al-Raḥmān al-Sa'dī. Ibn Qayyīm menafikan sekeras-kerasnya ia merupakan amalan riba, sebaliknya langsung tidak ada hubungan dengan riba, kerana tidak terdapat sebarang nas syarak, ijmak mahupun qiyas yang benar-benar boleh dijadikan pegangan tentanag pengharamannya. Malah menurut 'Abd al-Raḥmān al-Sa'dī, ia mendatangkan kemaslahatan kepada pemberi hutang dan juga orang yang berhutang itu sendiri. Ia juga merupakan pendapat Majlis Syariah Kuwait Finance Houses dalam fatwa nombor 99 dan 316, Majlis Syariah Bank Islam Barat Sudan dalam fatwa nombor 28 dan 30 dan Bank Islam Antarabangsa Mesir dalam fatwa nombor 5.<sup>77</sup>

### **Penggunaan Kad Kredit**

Kad kredit adalah merupakan kad khas yang dikeluarkan oleh sesebuah institusi atau syarikat kewangan, yang membolehkan pembawanya mendapatkan barang-barang, perkhidmatan atau wang tunai, daripada mana-mana premis perniagaan

---

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> Mas'lah Da' Wa Ta'ajjal, <http://moamlat.al-islam.com/Display.asp?>, 9 Ogos 2009.

yang berinteraksi dengannya. Pihak yang membawanya boleh mendapatkan barangan tersebut dari pihak yang mengeluarkannya dengan syarat, pihak yang membawa kad tersebut membayar harga barangan, perkhidmatan atau mata wang yang diperolehinya. Operasi kad kredit menimbulkan perselisihan di kalangan ulama masa kini. Qal‘ahjī mengemukakan empat pandangan ulama tentang kedudukan operasinya iaitu:<sup>78</sup>

1. Operasi kad kredit berasaskan kepada konsep pemindahan hutang (*al-ḥiwālah*).

Pendapat ini dipegang oleh al-Zuḥaylī, ‘Abd Allāh bin Mānī’, Rafiq al-Misrī dan juga institusi syariat milik beberapa buah negara Islam.

2. Operasi kad kredit berasaskan kepada konsep *wakālah*.

Pandangan ini juga dikemukakan oleh ulama masa kini iaitu al-Zuḥaylī. Beliau menyatakan bahawa kad ini tidak sunyi samada menggunakan operasi *ḥiwālah*. *Ḥiwālah* institusi kewangan hari ini semuanya dengan upah.<sup>79</sup>

3. Operasi kad kredit berdasarkan kepada konsep Pinjaman (*al-Qard*)

4. Operasi kad kredit berdasarkan kepada operasi *kafālah*.

Pendapat ini dipegang oleh Nazīḥ Ḥammād, Muḥammad ‘Alī al-Qurā bin ‘Ayd, Muḥammad ‘Abd al-Halīm ‘Umar, ‘Abd Halim al-Sa‘dī dan lain-lain.<sup>80</sup>

Qal‘ahjī lebih cenderung kepada pendapat yang keempat iaitu operasi kad kredit berdasarkan kepada konsep *kafālah*.

Berdasarkan kepada konsep *kafālah*, pengeluar kad membuat jaminan pada masa kontrak kad dibuat, dia akan membayar segala hutang yang tercatat di atas kad, bagi pihak pembawa kad. Apabila pembawa kad membeli sesuatu, peniaga akan menemui pengeluar kad – yang merupakan penjamin – untuk mendapatkan nilai barangan tersebut daripadanya. Pihak pengeluar kad kredit tidak boleh menolak untuk membayar nilai wang yang dituntut itu. Ini kerana di antara pembawa dan pengeluar kad terdapat kontrak yang mewajibkannya membuat bayaran apabila diminta. Apabila pihak pengeluar kad telah membuat pembayaran, ia akan menemui pembawa kad dan memintanya membayar nilai yang telah dibayar itu kepada peniaga.

*Kafālah* menurut pandangan majoriti ulama ialah menggabungkan satu jiwa kepada satu jiwa yang lain dari segi keperluan membuat tuntutan dan

<sup>78</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 114-117.

<sup>79</sup> *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, Jeddah 7/ 1/ 669.

<sup>80</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 114-117.

hutang piutang.<sup>81</sup> Abū Thawr, Dāwūd bin 'Alī al-Zāhirī, Ibn Abī Laylā dan Ibn Syabramah berpendapat *kafālah* dan *hiwālah* adalah benda yang sama sahaja. Keduanya melibatkan pemindahan hak dari pihak yang dijamin (pelanggan) kepada pihak penjamin.<sup>82</sup>

Qal'ahjī menolak pendapat yang mengatakan penggunaan kad kredit tidak harus kerana melibatkan jaminan ke atas sesuatu yang tidak wajib pada masa kontrak pengeluaran kad dilakukan. Bagi beliau jaminan ke atas sesuatu yang belum wajib, adalah harus menurut ulama mazhab Ḥanafī, Mālikī dan juga Hanbalī.<sup>83</sup> Ia juga merupakan pendapat lama Imam al-Shāfi'ī<sup>84</sup>. Firman Allah s.w.t.

قَالُوا نَفْقَدُ صُوعَ الْمَلِكِ وَلَمَن جَاءَ بِهِ هَمْلٌ بَعِيرٌ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

*"Orang-orang menteri menjawab: Kami kehilangan cupak raja. Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu".*

(Surah Yūsuf, 12: 72)

Dalam ayat di atas Nabi Yūsuf menjamin akan memberikan bahan makanan sebanyak muatan unta, sedangkan ia belum wajib lagi.

Qal'ahjī juga menolak hujah ulama yang menyatakan dalam penggunaan kad kredit, hutang adalah sesuatu yang tidak diketahui dengan jelas pada masa kontrak pengeluaran kad dibuat, dengan menyatakan *kafālah* ke atas hutang yang masih belum diketahui – seperti seorang menyatakan: Saya menjadi penjamin kepada hutang anda yang terdapat pada diri pulan bin pulan, sedangkan dia sendiri tidak mengetahui kadar hutang yang terlibat – adalah harus menurut pandangan ulama mazhab Ḥanafī, Mālikī, Ḥanbalī dan juga al-Shāfi'ī berdasarkan salah satu pendapat<sup>85</sup> kerana berdasarkan kepada firman Allah s.w.t dalam surah Yūsuf ayat 72 yang lalu. Di dalam ayat tersebut

<sup>81</sup> Al-Ramlī, Shams al-Dīn bin Hamzah (1938), *Nihāyah al-Muhtāj*, jil. 5, al-Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī, 5, h. 240; Al-Mawāq, Muḥammad bin Yūsuf (1978), *al-Tāj Wa al-Iklīl Li Mukhtaṣar Khalī*, jil. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 96.

<sup>82</sup> Ibn Qudāmah (1964), *op.cit.*, jil. 7, h. 84, Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad (1968), *al-Muhallā*, jil. 8, al-Qāhirah: Dār al-Ittihād al-'Arabī, h. 522.

<sup>83</sup> Qal'ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 117-118.

<sup>84</sup> Ibn Qudāmah (1964), *op.cit.*, jil. 7, h. 73; al-Ramlī (1938), *op.cit.*, jil. 4, h. 244.

<sup>85</sup> Ibn Qudāmah (1984), *op.cit.*, jil. 7, h. 72 ; al-Nawawī (1964), *op.cit.*, jil. 4, h. 250.

sepenuh muatan unta tidak diketahui dengan tepat, berapa timbangannya yang sebenar. Tambahan pula kedudukan seekor unta dengan seekor unta yang lain, adalah berbeza dan ia juga merupakan pengiltizaman hak tanpa bayaran. Ketidakpastian, tidak memberi kesan kepadanya.<sup>86</sup>

Qal‘ahjī menolak hujah sesetengah ulama yang menyatakan dalam penggunaan kad kredit, disyaratkan pembawa kad bersih dari sebarang tuntutan hutang oleh peniaga. Tuntutan peniaga terhadap haknya untuk mendapatkan bayaran dari pembawa kad, dibuat terus kepada pihak pengeluar kad sahaja, dengan berhujah ulama mazhab Ḥanafī, Mālikī dan juga al-Shāfi‘ī berdasarkan satu pendapat, mengharuskan disyaratkan di dalam kontrak *kafālah*, pihak yang dijamin bebas dari sebarang bebanan.<sup>87</sup> Mereka berdalilkan dengan riwayat Jābir bin ‘Abd Allāh r.a katanya:

مات رجل فغسلناه و كفناه و حنطناه و وضعناه لرسول الله صلى الله عليه و سلم حيث توضع الجنائز عند مقام جبريل ثم آذنا رسول الله صلى الله عليه و سلم بالصلاة عليه فجاء معنا خطي ثم قال : لعل على صاحبكم ديننا قالوا : نعم ديناران فتخلف فقال له رجل منا يقال له أبو قتادة : يا رسول الله هما علي فجعل رسول الله صلى الله عليه و سلم يقول : هما عليك و في مالك و الميت منهما بريء فقال : نعم فضلي عليه فجعل رسول الله صلى الله عليه و سلم إذا لقي أبا قتادة يقول : (ما صنعت الديناران) حتى كان آخر ذلك قال : قد قضيتهما يا رسول الله قال : الآن حين بردت عليه جلده

*“Seorang lelaki meninggal. Kami telah memandikannya, mengkafkannya dan menaruh jenazahnya dengan bau-bauan. Kemudian kami meletakkannya pada maqam Jibril untuk disolatkan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana jenazah-jenazah lain diletakkan di tempat itu. Kemudian kami mempersilakan Rasulullah s.a.w untuk menunaikan solat ke atasnya. Baginda menuju ke arah kami satu langkah, kemudian berkata: Kemungkinan sahabat anda ini mempunyai hutang yang belum dibayarnya? Mereka menjawab: Ya sebanyak dua dinar; lalu Rasulullah s.a.w mengundur ke belakang. Seorang lelaki dari kalangan kami yang dikenali dengan nama Abu Qatādah berkata: Wahai Rasulullah, kedua hutang itu akan saya bayar untuknya. Rasulullah s.a.w bersabda: Kedua hutang tersebut hendaklah*

<sup>86</sup> Qal‘ahjī (1999), *op.cit.*, hh. 117-119.

<sup>87</sup> *Ibid*, h. 119.

*anda bereskan dari harta kepunyaan anda sendiri dan mayat itu pula bebas dari sebarang tanggungan hutang? Jawab lelaki itu: Ya, lalu Rasulullah s.a.w menunaikan solat ke atas jenazah lelaki itu. Setiap kali Rasulullah s.a.w berjumpa Abu Qatādah, beliau menyatakan: Apakah yang dilakukan oleh anda dengan dua dinar yang anda jamin itu? Dan lain-lain kata-kata Rasulullah s.a.w. Jawab Qatādah: Saya telah membayarnya wahai Rasulullah. Sabda baginda: Sekarang anda telah menyejukkan kulitnya.”<sup>88</sup>*

## RUMUSAN

Dari kupasan ke atas isu-isu muamalah yang dijelaskan di atas dapat dirumuskan, Qal'ahjī mengambil pendekatan-pendekatan seperti berikut iaitu:

1. Meraikan Kekuatan Dalil Daripada Nas Al-Qur'an, Al-Sunnah Dan Pandangan Ulama Yang Muktabar

Ini dapat dilihat dalam perbincangan yang berkaitan dengan tajuk jual beli secara bertangguh, yang diputuskan beliau sebagai harus, kalau ditentukan harga yang dikehendaki oleh pembeli sebelum berpisah daripada majlis tawar-menawar. Bagi beliau dalil-dalil pihak yang mengharamkannya tidak kuat dan tidak dapat dipegang. Begitu juga dalam isu menyegerakan bayaran ansuran sebagai imbalan daripada potongan sebahagian daripada hutang, juga dihukumkan beliau sebagai harus, kerana langsung tidak ada kaitan dengan riba.

2. Mengutamakan Kemudahan Kepada Umat Islam

Ini dapat dilihat dalam kupasan beliau berkaitan dengan keharusan menyimpan wang dalam bank-bank riba di negara-negara yang tidak ada bank Islam, dengan tujuan mengelakkan wang itu dicuri atau musnah begitu sahaja kalau disimpan di rumah. Begitu juga dalam mengeluarkan bon, beliau membenarkan sesebuah negara Islam mengeluarkan bon tersebut dalam situasi darurat, bagi memberi kemudahan kepada negara mendapat dana untuk membiayai berbagai-bagai projek pembangunan negara.

---

<sup>88</sup> Abū Dāwud (1991), *op.cit.*, Kitāb al-Buyū', hadis no. 3343, j. 3, h. 638 dan Bayhaqī (t.t), *op.cit.*, j. 6, h. 75. Kata al-Hākim: Isnadnya adalah saḥīḥ dan keduanya (al-Bukhārī dan Muslim) tidak mentakhrījkan hadis tersebut.

3. Meraikan Situasi Darurat

Ini dapat dilihat dalam perbahasan yang berkaitan dengan keharusan menyimpan wang di bank riba di negara yang tidak ada perbankan Islam. Beliau juga membenarkan penyimpan mengambil faedah daripada simpanan tersebut bukan bertujuan untuk kegunaan sendiri tetapi untuk kemaslahatan umat Islam. Kedudukan wang faedah tersebut bagi beliau tidak lebih daripada bara api yang kalau digenggam akan membakar tangan sendiri dan kalau diberikan kepada orang lain tidak memperolehi apa-apa pahala.

4. Mengutamakan Kemaslahatan Umat Islam

Dalam isu yang berkaitan dengan penggunaan kad rebit, Qal‘ahjī meletakkan operasinya berdasarkan kepada konsep *kafālah*. Dalam *kafālah* pengeluar kad membuat jaminan pada masa kontrak kad dibuat, dia akan membayar segala hutang yang tercatat di atas kad, bagi pihak pembawa kad. Apabila pembawa kad membeli sesuatu, peniaga akan menemui pengeluar kad – yang merupakan penjamin – untuk mendapatkan nilai barangan tersebut daripadanya. Pihak pengeluar kad kredit tidak boleh menolak untuk membayar nilai wang yang dituntut itu. Ini kerana di antara pembawa dan pengeluar kad terdapat kontrak yang mewajibkannya membuat bayaran apabila diminta. Apabila pihak pengeluar kad selesai membuat pembayaran, ia akan menemui pembawa kad dan memintanya membayar nilai yang dibayar kepada peniaga tersebut.

## RUJUKAN

- Ashqar, Sulaymān et. al (2000), *Abḥāth Fiqhiyyah Fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu‘āsirah*, jil. 2, Urdūn. Dār al-Nafā’is.
- Bānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al- (1985), *Silsilah al-Aḥādith al-Ḍa‘īfah*, jil. 5, Bayrūt; al-Maktab al-Islāmī.
- Bayhaqī, Abū Bakr bin ‘Alī al- (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Buyū‘, jil. 6, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhim al- (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Aṭ‘imah, hadis no 5431, jil. 6, Bayrūt: Dār al-Fikr.



- Hiwar Ma'ā al-'Allāmah al-Faqīh al-Duktūr Muḥammad Rawwās Qal'ahjī, <http://www.shathraat.com/>, 28 Jun 2009.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yūsuf bin 'Abd Allāh (1980), *al-Kāfī Fī Fiqh Ahli al-Madīnah*, jil. 1, al-Riyāḍ. Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad (1968), *al-Muhallā*, jil. 8, al-Qāhirah: Dār al-Ittihād al-'Arabī.
- Ibn Nujjāy, Zayn al-Dīn Ibrāhīm Muḥammad (t.t), *al-Baḥr al-Rā'iq Sharah Kanz al-Daqā'iq*, jil. 7, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad Taqiy al-Dīn (1398H), *Majmū' Fatāwā*, jil. 29, Lubnan: Dār al-'Arabiyyah Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashri.
- Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, Abū Bakr (1405H), *Zād al-Ma'ād*, jil. 5, Kuwayt: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah.
- Ibn Qayyīm, Abū Bakr (1973), *I'lām al-Muwaqqi'īn*, jil. 3, Bayrūt: Dār al-Jayl.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1984), *al-Mughni*, jil. 4, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Jaṣṣāṣ, Abū Bakr bin Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī al- (1335H), *Aḥkām al-Qur'ān*, jil. 2, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Kāsānī, 'Alā' al-Dīn al- (1983), *Badā'ī' al-Ṣanā'ī'*, jil. 2, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Khayyāt, 'Abd al-'Azīz al- (1989), *al-Ashum Wa al-Sanadāt*, al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, 7/2/217-218.
- Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, Jeddah 7/ 1/ 669.
- Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, Jeddah, bil. 2.
- Marzūqī, Ṣāliḥ (1406), *Sharikat al-Musāhamah Fī al-Nizām al-Su'ūdī*, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Maṭābi' al-Ṣafā.
- Mas'lah Da' wa Ta'ajjal, <http://moamlat.al-islam.com/Display.asp?>, 9 Ogos 2009.
- Mawāq, Muḥammad bin Yūsuf al- (1978), *al-Tāj Wa al-Iklīl Li Mukhtaṣar Khalī*, jil. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr.

- Mubārakpūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Rahīm al- (1990), *Tuḥfah al-Ahwazī Sharaḥ Jāmi‘ al-Tirmidhi*, jil. 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mūsā Muḥammad Yūsuf (1958), *al-Islām Wa Musykilātuna al-Hādīra*, al-Qāhirah: al-Maktab al-Fannī.
- Muslim, Muslim bin Hajjāj (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim*, “Kitāb al-Musāqah”, jil. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Nadawī, ‘Ali Ahmad al- (1986), *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Qal‘ahjī (1986), *Mawsū‘ah Fiqh ‘Abd Allāh bin ‘Umar*, Bayrūt: Dār al-Nafā’is.
- Qal‘ahjī (1992), *Mawsū‘ah Fiqh ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd*, ed. 2, Bayrūt: Dār al-Nafā’is.
- Qal‘ahjī, Muḥammad Rawwās (1999), *al-Mu‘āmalat al-Māliyyah al-Mu‘āṣirah*, al-Urdūn: Dār al-Nafā’is.
- Qal‘ahjī (1988), *Mawsū‘ah Fiqh Ibrahim al-Nakha’ī*, jil. 1, Bayrūt: Dār al-Nafā’is.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1981), *Fiqh al-Zakah*, ed. 5, jil. 1, Bayrut: Mu’asasah al-Risalah.
- Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al- (1967), *al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’ān*, jil. 3, Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Ramlī, Shams al-Dīn bin Ḥamzah al- (1938), *Nihāyah al-Muḥtāj*, jil. 5, al-Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī.
- Sajastānī, Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash’ath al- (1991), *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Buyū‘, hadis no. 3357, jil. 3, Turki: Cagri Yayinlari.
- Sanbahīlī, Burhān al-Dīn, al- (1988), *Qaḍāyā Fiqhiyyah Mu‘āṣirah*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Sālūs, Ali al- (1990), *Ḥukm al-Wada‘i Wa Shahādāt al-Istithmār Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Doha: Dār al-Thaqāfah.
- Sattār, Abū Ghuddah ‘Abd al- (1993), *al-Badā‘il al-Shar‘iyyah Li Sanadāt al-Khazānah*, al-Nadwah al-Fiqhiyyah al-Thalithah Li Bayt al-Tamwīl.
- Shaltūt, Mahmūd (1980), *Fatāwā*, al-Qāhirah: Dār al-Shurūq.

- Shawkānī, Muhammad 'Alī al- (1415 H), *Nayl al-Awṭār*, jil. 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Suyūṭī, 'Abd al-Rahmān al- (t.t), *al-Ashbāh Wa al-Nazā'ir*. Misr: Maktabah 'Isā al-Bābī al-Halabī.
- Syibīr, Muḥammad 'Uthmān (1996), *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'āsirah Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Urdūn: Dār al-Nafā'is.
- Tirmīdhī, Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isa bin Sūrah al- (1991), *Sunan al-Tirmīdhī*, Kitāb al-Buyū', hadis no. 1231, jil. 3, Turki: Cagri Yayinlari.
- Yāsīn, Muḥammad Na'im (2000), "Zakāh al-Māli al-Harāmi", dalam al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān et.al, *Abḥāth Fiqhiyyah Fī Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āsirah*, jil. 1, Urdūn: Dār al-Nafā'is.
- Zarqānī, 'Abd al-Bāqī al- (t.t), *al-Zarqānī 'Alā Mukhtaṣar al-Khalīl*, jil. 6, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Zarqā', Muṣṭafā al- (2001), *Fatāwā*, ed. 2, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Zuhaylī, Muḥammad al- (2007), *al-Mu'tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi'*, jil. 2, Dimashq: Dār al-Qalam.

